

**SISTEM OCReS
Online Course Requirement System
INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

PENGENALAN

Institut Perakaunan Negara (IPN) merupakan institut latihan awam di bawah Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang ditubuhkan selaras dengan dasar kerajaan untuk melahirkan penjawat awam yang berdaya saing dalam menempuh arus globalisasi yang amat mencabar. IPN berperanan untuk membangunkan modal insan dalam bidang perakaunan dan kewangan sektor awam melalui kursus-kursus yang ditawarkan. Sesuai dengan visi dan misi IPN untuk membangun dan mempertingkatkan kompetensi personel sektor awam.

Pembangunan Modal Insan bagi pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam perlu dilaksanakan dari peringkat awal perkhidmatan sehingga tamat perkhidmatan secara optimum. Tujuannya adalah untuk melahirkan pegawai awam yang mempunyai sikap yang positif dan pemikiran yang cemerlang berteraskan nilai dan etika budaya negara. Mendaya-upaya bakat melalui latihan kepada penjawat awam yang perlu diperkukuhkan agar pegawai awam yang dilahirkan berkemampuan tinggi dan berproduktif. Semua Pegawai/Kakitangan Akauntan Negara Malaysia disyaratkan untuk memenuhi keperluan tujuh hari berkursus setiap tahun. Keperluan tujuh hari berkursus setahun ini adalah menjadi KPI Akauntan Negara Malaysia. Justeru itu, setiap jabatan perlu merancang dan mengenalpasti keperluan kursus kakitangan di jabatan termasuklah Institut Perakaunan negara (IPN).

LAPORAN INOVASI

OCReS – Online Course Requirements System merupakan satu sistem yang dibangunkan bagi membuat analisis keperluan latihan kakitangan IPN secara dalam talian menggunakan aplikasi *web base*.

Dengan menggunakan borang IPN-PDFR-07/B01 (dokumen kawalan ISO), setiap kakitangan mengisi keperluan latihan kursus untuk tahun berikutnya bagi melengkapkan kompetensi dan kemahiran yang diperlukan, sesuai dengan bidang tugas dan kerja hakiki sepertimana dalam fail meja setiap pegawai. Setiap kakitangan yang telah mengisi borang IPN-PDFR-07/B01 ini dikehendaki menyerahkannya kepada Unit Pentadbiran untuk dibuat analisis keperluan latihan secara keseluruhannya. Borang analisa keperluan latihan IPN-PDFR-07/B01 digunakan dalam mengumpul maklumat keperluan latihan pegawai IPN.

Borang ini diisi secara manual, serahan borang fizikal kepada Unit Sumber Manusia dan Pentadbiran Am secara manual dan analisis latihan ini juga dilakukan secara manual oleh Unit

Sumber Manusia dan Pentadbiran Am. Analisis latihan pegawai dibuat secara manual semenjak tahun 2006 sehingga kini yang melibat gred 11 hingga 54. Sepanjang tempoh tersebut pelbagai masalah timbul seperti dokumen tercicir atau hilang, tiada panduan mengisi dengan betul, proses analisis dilakukan secara manual menjadikan masa proses data menjadi lebih panjang dan maklumat latihan yang dipohon tidak mengikut keperluan kompetensi pegawai. Unit Sumber Manusia dan Pentadbiran Am tidak dapat merujuk data pegawai untuk proses penyediaan cadangan latihan.

Proses Pelaksanaan Inovasi

Oleh yang demikian, IPN telah mengambil inisiatif untuk membangun satu projek menambahbaik proses analisis keperluan latihan pegawai IPN iaitu Analisis Keperluan Latihan Pegawai IPN Tidak Efisien. Projek ini diwujudkan bagi memenuhi keperluan analisa latihan yang sedia ada bagi meningkat kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pegawai awam.

Proses sebelum dan selepas

Projek yang dibangunkan secara dalaman(*in-house*) oleh pegawai teknologi maklumat IPN dapat mempercepatkan dan memudahkan proses analisis ke atas maklumat analisa keperluan latihan pegawai IPN dengan lebih efisien. Sistem yang dikenali sebagai **OCReS** - Online Course Requirments System adalah sistem yang membantu pengguna untuk mengisi borang analisis keperluan pegawai IPN secara *online*. Analisis data ini melibat semua pegawai IPN sama ada di IPN, Sabak Bernam atau IPN-CPD, Cyberjaya. Penghantaran maklumat analisa keperluan pegawai IPN ini dapat dilakukan dengan cepat dan mudah dengan adanya sistem OCReS ini.

USMPA pula dapat menjalankan analisis keperluan latihan pegawai IPN dengan cepat dan efisien serta waktu proses data dapat dikurangkan dan menjimatkan waktu bekerja pegawai analisis. USMPA dapat membuat laporan keseluruhan bagi pegawai untuk mewujudkan pelan latihan dan memenuhi keperluan latihan pegawai berkenaan.

Sebagaimana makluman awal, sebelum ini borang analisa keperluan latihan kakitangan IPN diisi secara manual, serahan borang fizikal kepada Unit Pentadbiran secara manual dan analisis latihan ini juga dilakukan secara manual oleh Unit Pentadbiran. Analisis latihan pegawai dibuat secara manual semenjak tahun 2006 sehingga kini.

Elemen penurunan kuasa (jika ada)

Pihak pengurusan memainkan peranan yang penting dalam penglibatan pembangunan projek Analisis Keperluan Latihan Pegawai IPN Tidak Efisien ini. Perkara-perkara yang memerlukan perhatian dan penglibatan pihak pengurusan adalah seperti berikut :-

- Penubuhan kumpulan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif(KIK) oleh ketua jabatan

- Perlantikan fasilitator dan ahli kumpulan KIK yang telah dipersetujui
- Kelulusan/perakuan kepada pemilihan masalah dan tajuk projek
- Menandatangani memo/surat berkaitan pelantikan ahli atau soal selidik

Impak inovasi terhadap kumpulan sasaran/perkhidmatan/ jabatan/agensi/Negara:

Berikut adalah kebaikan yang boleh diperolehi dari sistem yang dibangunkan :-

- Menganalisis keperluan latihan dengan lebih berkesan
- Mewujudkan aliran proses kerja yang teratur dan sistematik
- Memenuhi keperluan latihan setiap kakitangan
- Menjana laporan keperluan latihan bagi setiap kakitangan
- Memudahkan unit pentadbiran merangka pelan latihan tahunan
- Memenuhi keperluan tujuh hari berkursus
- Meningkatkan kompetensi pegawai ipn tenaga pengajar
- Melahirkan modal insan yang produktif

Di antara *outcome* projek sistem OCReS ini adalah seperti berikut :

a) Penjimatan masa

Kesan dan hasil yang diperolehi adalah penjimatan tempoh analisis daripada 20 hari kepada satu hari bekerja sahaja menggunakan sistem OCReS/

b) Peningkatan produktiviti pekerja

Apabila sistem OCReS ini dibangunkan, proses yang mengambil masa 20 hari telah dapat dipendekkan kepada satu hari sahaja memberi ruang kepada kakitangan di USMPA melakukan tugas lain dalam tempoh tersebut. Ini sekaligus dapat meningkatkan hasil kerja dan banyak tugas-tugas yang lain dapat disempurnakan dalam waktu yang diijamatkan tersebut.

c) Ketepatan dan kebolehpercayaan data

Melalui penggunaan sistem berformula dan pelaporan yang standard daripada sistem OCReS ini, ketepatan pada laporan yang dikeluarkan lebih tinggi dan terjamin.

d) Meringankan beban kerja

Semua proses analisis dilakukan dalam sistem dengan hanya sekali butang klik sahaja.. Kakitangan USMPA hanya perlu menekan butang arahan analisis sahaja untuk mengetahui keputusan akhir. Tiada lagi beban kerja 20 hari analisis ke atas ketiga-tiga penganalisis di USMPA.

e) Menjimatkan tenaga kerja

Selepas penggunaan sistem, hanya seorang pegawai yang diperlukan untuk melaksanakan kesemua proses yang terlibat. Hanya seorang pegawai diperlukan untuk memantau dan menganalisis data berkaitan untuk menjana laporan yang dikehendaki.

f) Boleh diakses di mana-mana

Sistem yang menggunakan aplikasi web base ini mudah dan boleh diakses di mana-mana sahaja samada ketika berada di pejabat ataupun di luar pejabat.

g) Menjimatkan kos alat tulis

Penjimatan dalam kos percetakan dan penggunaan kertas dapat dikurangkan. Ini kerana kesilapan mengisi borang dapat diperbetulkan hanya dalam sistem dan tidak perlu cetakan borang baharu jika berlaku kesilapan pengisian maklumat.

h) Menghapus keciciran dan kehilangan borang

Penghantaran borang secara dalam talian menghapuskan risiko kehilangan borang fizikal semasa proses serahan daripada kakitangan kepada USMPA. Begitu juga semasa proses analisis di USMPA, pembahagian borang analisa keperluan latihan kepada tiga orang penganalisis dan proses analisis yang memakan masa 20 hari setiap seorang menyumbang kepada risiko kehilangan borang tersebut di meja USMPA, terutama ketika berlaku pertindihan kerja dalam satu-satu masa atas meja kakitangan tersebut.

i) Boleh dirujuk bila-bila masa

Laporan permohonan kursus tertinggi yang dipohon oleh semua kakitangan boleh dirujuk dan dibuat pemerhatian pada bila-bila masa walau di mana sahaja kakitangan berada.

KEBERHASILAN PROJEK : IMPAK PROJEK DAN PEMBUKTIAN

Di antara impak projek sistem OCReS ini adalah seperti berikut :

a) Perancangan latihan masa hadapan

Setiap pegawai yang berdaftar dengan sistem boleh mengakses kembali data atau maklumat latihan yang terdapat dalam sistem. Fungsi ini membolehkan pegawai IPN melihat corak (patern) penawaran latihan-latihan yang boleh dihadiri di IPN dan latihan-latihan yang perlu dimohon dari agensi luar. Ia juga penting dalam merancang latihan yang diperlukan pada masa hadapan bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran pegawai yang berkhidmat di IPN.

b) KPI ANM Tercapai – Tujuh Hari Berkursus Setahun

Apabila keperluan latihan kakitangan IPN dapat dipenuhi dengan penawaran kursus / latihan dalaman oleh USMPA di IPN, secara tidak langsung kesemua kakitangan dapat memenuhi keperluan kursus tujuh hari setahun, sekaligus memenuhi KPI Akauntan Negara Malaysia bagi memastikan semua kakitangan perakaunan memenuhi keperluan tujuh hari berkursus.

c) Peningkatan Kompetensi kakitangan IPN

Penawaran kursus yang berkualiti hasil daripada analisis menggunakan sistem OCReS ini secara tidak langsung dapat memenuhi keperluan latihan kakitangan IPN. Berdasarkan skop latihan dan kemahiran yang dipelajari, ini pastinya dapat meningkatkan kompetensi kaitangan berkenaan dan meletakkan mereka sebaris serta setanding dengan tenaga pakar yang berkhidmat di syarikat-syarikat gergasi dunia.

d) Membantu Pengurusan Mengukur prestasi pegawai bawahan (LNPT)

Sistem OCReS yang digunakan oleh USMPA mampu memenuhi permohonan keperluan latihan oleh seluruh kakitangan. Kemahiran dan pengetahuan kakitangan IPN dapat dipertingkatkan kepada satu tahap yang lebih tinggi lantas ditunjukkan dan dibuktikan dengan pelaksanaan dan pencapaian yang cemerlang dalam gerak kerja yang dilakukan. Ini secara langsung dapat ditonjolkan dan dilihat oleh pihak pengurusan atasan untuk memudahkan mereka mengukur serta membuat penilaian prestasi kepada seluruh pekerja bawahan.

e) Imej IPN sebagai sebuah Institusi Latihan Awam


Sebagaimana diketahui umum, IPN yang merupakan sebuah institusi latihan awam (ILA) yang dapat mengukuhkan lagi fungsi utamanya dengan menyediakan kursus yang bertepatan dengan kehendak kakitangannya tanpa melibatkan pergerakan keluar kakitangan IPN ke luar pejabat.

Selaras dengan peningkatan kompetensi kakitangan IPN yang sebahagiannya adalah tenaga pengajar dan pakar rujuk kepada agensi/ jabatan lain dalam bidang kewangan dan perakaunan, ini semestinya meningkatkan imej dan reputasi IPN secara khususnya serta Jabatan Akauntan Negara Malaysia umumnya.


Peningkatan imej dan reputasi ini sekaligus menjadi satu bentuk promosi kepada IPN dalam menarik dan memupuk minat pegawai awam untuk hadir berkursus di IPN, di samping daya tarikan lain yang terdapat di institut ini.

➤ Gambar-gambar berkaitan

Sistem OCRs



The screenshot shows a web browser window with the URL `testphp/kik/index.php`. The page title is "Online Course Requirements System (OCRs)". Below the title, there is a login form with the text "Sila isikan no. kad pengenalan (Contoh : 731211105455)" and a text input field labeled "No. kad pengenalan :". A "Login pentadbir" link is visible in the top right corner. The footer of the page reads "Hakcipta © 2017".



The screenshot shows the same web browser window, but now displaying a registration form titled "BORANG ANALISA KEPERLUAN LATIHAN / KURSUS TAHUN 2018". The form is divided into two main sections: "MAKLUMAT KAKITANGAN" and "LATIHAN YANG DIPERLUKAN".

MAKLUMAT KAKITANGAN



Nama : Zulfah bin Zabidi
Jawatan & gred : Pemandu Kenderaan H11
Program / Unit : Unit Sumber Manusia & Pentadbiran Am
Bidang tugas :
Tempoh berkhidmat dalam bidang tugas di atas : 1 tahun 2 bulan

LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Pengetahuan :-
Automotif
Automotif
Automotif

Kemahiran :-
Automotif
Automotif
Automotif

The footer of the page reads "Hakcipta © 2017".



PENUTUP

Projek ini memyumbangkan impak yang amat signifikan kepada proses menganalisis keperluan latihan pegawai IPN dengan lebih efisien. Kumpulan kami amat yakin dan percaya dengan penggunaan sistem ini, kecekapan dan hasil analisis dapat membantu meningkatkan kompetensi seluruh kakitangan. Manfaat daripada projek ini akan membantu pengurusan sumber manusia merancang keperluan latihan lebih berkualiti dan sistematik dengan kos minimum. Sesungguhnya projek ini akan menjadi aset yang berharga dan mampu berevolusi sejajar dengan keperluan latihan pada masa hadapan. Lantaran cabaran pengurusan latihan yang amat getir pada saat ini, maka wujudnya suatu projek yang sangat mementingkan kos efektif dan mudah digunakan serta relavan dengan keperluan pasaran semasa.

Peningkatan terhadap usaha agensi kerajaan dalam menambah baik kualiti perkhidmatan awam akan membawa kepada usaha-usaha peningkatan pembangunan sumber manusia yang berkualiti dan berkesan. Ini merupakan potensi yang besar kepada projek inovasi ini untuk dikembangkan dan digunakan pada masa hadapan yang mana ianya satu pengalaman kerja yang baharu kepada agensi kerajaan pada masa hadapan dalam pengurusan sumber manusia.

Menerusi projek ini kerja pengurusan latihan dalam agensi kerajaan dapat dipermudahkan. Mereka akan dapat melaksanakan kerja yang berkaitan dengan masa yang lebih singkat dan analisis data yang lebih komprehensif. Impaknya sambutan ke atas kursus dan latihan yang dianjurkan pada masa hadapan pastinya mendapat sambutan dan penyertaan yang tinggi dan memberangsangkan.

Disediakan oleh :

Nama Pegawai/Unit Terlibat : Aris Bin Isa
No. Tel. : 03-32172101
Emel : aris.isa@anm.gov.my